

## PENTAKSIRAN ANALITIK DAN HOLISTIK ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENULISAN BERDASARKAN TEORI METAFORA KONSEPSI

(Analytical and Holistic Assessment of Higher Order Thinking Skills Elements Based on Conceptual Metaphor Theory in Writing)

### SHARWINTHIRAN THAVARAJAH

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[sharwinthiranthavarajahst@gmail.com](mailto:sharwinthiranthavarajahst@gmail.com)

### ANIDA SARUDIN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[anida@fbk.upsi.edu.my](mailto:anida@fbk.upsi.edu.my)

### ZULKIFLI OSMAN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[zulkifli@fbk.upsi.edu.my](mailto:zulkifli@fbk.upsi.edu.my)

### HUSNA FAREDZA MOHAMED REDZWAN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[husna.faredza@fbk.upsi.edu.my](mailto:husna.faredza@fbk.upsi.edu.my)

### WIWIEK AFIFAH

Graduate School of Yogyakarta  
State University  
[Wiwiekafifah.2018@student.uny.ac.id](mailto:Wiwiekafifah.2018@student.uny.ac.id)

### MOHD AMIR MOHD ZAHARI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[amir.mz@fbk.upsi.edu.my](mailto:amir.mz@fbk.upsi.edu.my)

### Dihantar pada:

20 November 2020

### Diterima pada:

15 Februari 2021

### Koresponden:

[anida@fbk.upsi.edu.my](mailto:anida@fbk.upsi.edu.my)

Penerapan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu dapat menggalakkan murid untuk memperoleh maklumat yang baharu, menyimpan, menyusun serta mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada, di samping menghuraikan maklumat itu berdasarkan idea dan kreativiti masing-masing dalam penghasilan nukilan yang berproduktif. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pentaksiran secara analitik dan holistik elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam penulisan berdasarkan Teori Metafora Konsepsi. Pemahaman elemen KBAT menerusi Teori Metafora Konsepsi dalam penulisan dapat memberi gambaran yang baharu dalam meneliti idea penulisan secara lebih eksplisit terutamanya dalam bahagian pendahuluan karangan jenis perbincangan. Kajian ini menggunakan Teori Metafora Konsepsi menerusi bidang Semantik Kognitif yang diperkenalkan oleh Lakoff & Johnson. Teori ini menggagaskan proses pemetaan yang abstrak kepada konkrit, di samping mewajarkan proses metonimi yang terhasil menerusi pemetaan metafora konsepsi tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Sebanyak dua sampel pendahuluan karangan murid Tingkatan 4 telah dipilih secara rawak bagi meneliti idea KBAT menerusi Teori Metafora Konsepsi. Metodologi penganalisan data menggunakan instrumen senarai semak dibina berdasarkan prinsip dalam Teori Metafora Konsepsi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penelitian idea KBAT dalam mengkonstruksi bahagian pendahuluan sesebuah karangan melibatkan pelbagai jenis metafora konsepsi seperti metafora ontologi dan metafora struktural. Penerapan elemen KBAT menerusi pentaksiran secara analitik dan holistik dalam proses PdP dapat dihayati dari perspektif interdisiplin, iaitu dalam bidang pendidikan dan bidang semantik secara tidak langsung. Kajian ini juga dapat mengesan idea pemikiran murid secara yang lebih bersifat kritis dan inovatif dalam penghasilan nukilan yang mantap.

**Kata Kunci:** KBAT, pentaksiran analitik dan holistik, PdP, metafora konsepsi, penulisan

**Abstract:** Application of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in teaching and learning process able to encourage students to acquire a new knowledge which can be organised, stored and associated with existing knowledge, thus able to describe the information based on creativity and ideas in developing a writing. This study aims to analyze analytical and holistic assessment of HOTS elements based on conceptual metaphor theory in writing. The application of HOTS elements through cognitive semantic approach in writing gives a new perspective in examining the idea of writing with more explicit, especially in the beginning section of discussion based essays. This study uses the Conceptual Metaphor Theory through Cognitive Semantic field which been introduced by Lakoff & Johnson. This theory initiates the mapping process of abstract to the concrete while justifying the metonymy resulting through the mapping of conceptual metaphor. This study is a qualitative study that uses document analysis method. A total of two introductory sample from the essays of Form 4 Students were randomly selected to examine the HOTS idea in the introduction part of writing through Conceptual Metaphorical Theory. The methodology used are checklist instruments for data analyzing which been constructed based on the principles in Conceptual Metaphor Theory. These findings initiates that students can construct the HOTS through the Conceptual Metaphor Theory as ontology metaphor and structural metaphor. The application of HOTS elements through analytical and holistic assesment in teaching and learning process can be visualised through an interdisciplinary perspective indirectly in the field of education and semantic. This study also detect the level of thinking among students in a critical and innovative way by developing a productive writing.

**Keywords:** High Order Thinking Skills (HOTS), analytical and holistic assessment, teaching and learning, conceptual metaphor, writing

## PENGENALAN

Penulisan karangan di sekolah dilihat merupakan salah satu medium pengukuran dalam aspek kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kemahiran menulis karangan dapat menukulkan idea yang tersimpan dalam pemikiran di samping juga dapat membolehkan pelajar mengorganisasi idea tersebut agar dapat diterjemahkan dalam wacana yang dapat difahami oleh pembaca. Haris Fadzilah (2002) berpendapat bahawa cara dan gaya guru mengajarkan karangan di dalam kelas lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk, demi memenuhi keperluan peperiksaan. Kesannya, hasil karangan yang diberi tumpuan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) proses mengarang semakin diabaikan. Kenyataan ini turut disokong oleh Roselan (2003) yang turut menyatakan bahawa kebanyakan guru pada umumnya masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan dan lebih menerapkan pengalaman yang dialami ketika mempelajari penulisan di sekolah dahulu sebagai asas untuk mengajar teknik penulisan kepada murid-murid.

Pengajaran guru yang kurang memberi pendedahan terhadap konsep, kemahiran, teknik dan strategi menulis karangan dalam kelas menyebabkan para murid kurang bersedia untuk menulis. Dalam penghasilan suatu penulisan karangan yang berkualiti, guru Bahasa Melayu berperanan untuk mencungkil, memantapkan serta menjadikan idea yang difikirkan oleh murid terjelma dalam bentuk nukilan yang bukan sahaja boleh dibaca dan dihayati, malah boleh memberi kesan sama ada secara eksplisit mahupun intrinsik. Kozlow dan Bellamy (2004) menyatakan bahawa aktiviti penulisan melibatkan aktiviti berfikir aras tinggi yang kompleks dan berbeza yang memerlukan imaginatif perasaan, tahap minda, cita rasa dan tahap kognitif penulis tersebut. Terdapat tiga konstruk utama dalam pembinaan dan penilaian item pentaksiran KBAT iaitu keukuran, ketepatan dan kesesuaian, iaitu KBAT yang diaplikasi perlulah menepati kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Aktiviti penulisan dapat membolehkan seseorang murid untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran serta nilai dalam kepelbagaian situasi yang wujud terutamanya dalam bahagian pendahuluan yang menjadi titik tolak dalam

penghasilan sesebuah karangan yang berkualiti. Menurut Marzni, Roselan dan Fadzilah (2013), terdapat dua bentuk pentaksiran yang digunakan untuk menaksir serta menilai hasil penulisan karangan murid, iaitu pentaksiran secara analitik dan holistik. Pentaksiran secara analitik lebih menjurus kepada pemberatan guru menilai hasil karangan mengikut aspek yang berlainan dalam menentukan markah bagi hasil penulisan seseorang murid (Bacha, 2001). Antara aspek yang diberikan tumpuan untuk dianalisis oleh seseorang pemeriksa terhadap transkrip yang ditulis oleh murid ialah kandungan, organisasi, bahasa, kosa kata dan tatabahasa. Dengan ini, penerapan elemen KBAT dapat dinilai dari aspek penggunaan pengolahan idea, bahasa, pemikiran serta penggunaan kosa kata yang baharu terutamanya dalam penulisan pendahuluan karangan.

Dalam pentaksiran analitik, terdapat dua cara untuk menaksir karangan, iaitu skala kadar dan rubrik pentaksiran analitik. Rubrik pentaksiran analitik sering kali digunakan bagi tugas karangan yang berkaitan dengan kandungan mata pelajaran, apabila soalan karangan tersebut berfokus dan memerlukan respons yang agak terhad. Sebagai contohnya, apabila suatu soalan itu diperuntukkan 5 markah, maka guru perlu menentukan jawapan murid yang harus diberikan sama ada 5 markah, 4 markah dan seterusnya. Apabila guru menggunakan rubrik ini, guru sewajarnya dapat memutuskan pemberian markah yang relevan terhadap jawapan murid sekiranya murid berjaya menyenaraikan unsur-unsur yang berpadanan dengan rubrik pentaksiran analitik yang telah dibangunkan terlebih dahulu.

Seterusnya, pentaksiran secara holistik pula merujuk kepada suatu pendekatan yang menuntut guru melakukan tanggapan secara keseluruhan dan bukan bergantung pada bahagian-bahagian yang dirangka untuk melengkapkan sesebuah hasil penulisan (Noor Izham, Zamri, A Rahman & Rozaiman, 2012). Menurutny lagi, pentaksiran secara holistik dimulakan dengan cara guru menyediakan karangan contoh terlebih dahulu sebagai panduan untuk guru menaksir karangan murid. Setelah itu, guru akan membaca setiap karangan murid dengan cepat dan perlu membentuk suatu pandangan umum tentang kualiti karangan yang dihasilkan oleh murid tersebut, kemudian guru memberikan fokus pada keseluruhan karangan sebagai satu unit yang

bersepadu. Pada akhir proses pentaksiran, guru membandingkan karangan murid secara keseluruhan dengan karangan contoh yang disediakan pada awalnya. Satu 'rating' diberikan kepada karangan murid tersebut. Pentaksiran ini membolehkan murid mencipta idea-idea yang baharu dengan menganalisis serta memahami bahan bacaan yang sedia ada.

Pendekatan pentaksiran holistik didapati amat relevan digunakan bagi karangan respons terbuka kerana murid dikehendaki melakukan proses sintesis menerusi penggabungan serta perubahan semula idea, di samping menjadikan data dalam bentuk baharu dan bersepadu melalui kemahiran mengolah dan mencadangkan satu pembaharuan atau kefahaman baharu dalam penulisan yang dihasilkan. Murid dapat mereka cipta suatu idea yang baharu kerana tiada satu jawapan tepat yang boleh ditentukan terlebih dahulu dan memerlukan kemahiran murid untuk mengolah serta menjana idea yang baharu. Pentaksiran secara holistik ini memberi peluang kepada guru untuk menilai hasil karangan murid menerusi penggunaan elemen KBAT dalam penulisan secara tidak langsung.

Menurut Bacha (2001), pengaplikasian pentaksiran holistik dalam peperiksaan formal dan program penilaian yang melibatkan ramai calon juga dilihat relevan kerana pentaksiran holistik dapat menjimatkan masa guru dan mempunyai kelebihan dari segi kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam konteks yang lain pula, pentaksiran analitik juga dilihat mempunyai persamaan dengan pentaksiran holistik memandangkan penentuan prestasi murid bagi transkrip karangan murid dibuat dengan cara dikategorikan sama ada berada pada tahap baik, sederhana mahupun lemah (Ahmad Hozzi, 2009). Dengan ini, jelaslah dapat dirumuskan bahawa pentaksiran secara analitik serta holistik ini dapat membantu kita untuk menilai serta menganalisis kemahiran berfikir yang telah diaplikasikan oleh murid dalam nukilan mereka secara tidak langsung.

Penerapan kemahiran berfikir secara beraras tinggi adalah signifikan dalam penghasilan sesebuah nukilan yang lebih mantap selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa. Nessel dan Graham (2007) menyatakan bahawa kemahiran berfikir merupakan kemahiran yang paling asas yang boleh dikembangkan dan merupakan kunci kepada pencapaian yang tinggi bagi semua murid. Ia berlaku apabila seseorang

memperoleh maklumat yang baharu, menyimpan, menyusun serta mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada, di samping menghuraikan maklumat itu berdasarkan idea dan kreativiti masing-masing bagi mencapai motif penulisan yang ingin disampaikan. Kenyataan ini sememangnya relevan dalam penghasilan bahagian pendahuluan karangan yang dilihat sebagai tunjang utama yang memprojeksikan keseluruhan idea yang ingin disampaikan secara lebih tersirat.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2014), KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu yang baharu. Elemen KBAT dapat difahami menerusi pendekatan semantik, iaitu makna secara implisit dapat dikaji menerusi kepelbagaian idea yang diprojeksikan menerusi perkataan atau frasa yang diterjemahkan (Anida et al. 2019). Dalam Teori Metafora Konsepsi, elemen KBAT digagaskan menerusi penjanaan idea dalam pemetaan metafora konsepsi. Penggunaan leksikal oleh murid terhadap perkara-perkara tertentu dalam penulisan karangan memiliki makna tersirat yang perlu dikupas secara terperinci menerusi gagasan Teori Metafora Konsepsi.

Oleh itu, kajian ini menentukan satu kaedah pemetaan idea menerusi leksikal yang terdapat dalam karangan yang dibina berdasarkan gagasan metafora konsepsi. Kesemua perkataan atau frasa ini boleh difahami sebagai sistem konseptual yang bermakna. Lakoff dan Johnson (1980) berpendapat sistem konseptual seseorang, merupakan cara seseorang berfikir dan bertindak berasaskan metafora secara semulajadi.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam bidang pendidikan, aspek KBAT sering dikonsepsikan sebagai proses PdP yang berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, penyelidikan dan berasaskan projek, pelbagai pendekatan dan aktiviti di dalam bilik darjah, perbincangan, metakognisi, pengurusan grafik, iaitu penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyolalan aras tinggi dan PdP yang bersifat pemudahcaraan (Rajendran 2010 & Laura 2011). Guru-guru mendeskripsikan bahawa amalan KBAT merupakan hubung kait pengetahuan sedia ada

pelajar dengan pengalaman di luar konteks. Penguasaan KBAT dalam kalangan murid penting kerana kajian-kajian lalu mendapati kemahiran ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu (Anida Sarudin et al. 2019a).

Dalam perspektif penulisan, Shamsul Hazliyatul (2010), menyatakan bahawa penulisan karangan merupakan suatu aspek yang terpenting sebagai satu bentuk perakam bahasa yang melibatkan fikiran, pengetahuan, teknik, gaya dan kebolehan menggunakan tatabahasa yang betul. Kemahiran menulis juga sering dikaitkan sebagai alat pengukur utama pencapaian seseorang murid malah kemahiran ini perlu dikuasai sepenuhnya daripada kemahiran peringkat mekanis sehinggalah kemahiran menulis peringkat yang tertinggi, iaitu peringkat penjanaan idea yang baharu. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa penulisan karangan dapat menggalakkan kemahiran berfikir secara lebih eksplisit, iaitu lebih beraras tinggi.

Saemah dan Zamri (2017), menyatakan bahawa dalam merancang dan melaksanakan kurikulum, tumpuan perlu diberi pengembangan dan penguasaan kemahiran berfikir bagi membolehkan murid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah secara rasional dalam menghadapi cabaran hidup yang semakin kompleks. Dalam konteks ini, masalah pengukuran menjadi titik tolak kepada fokus kajian ini, iaitu bagaimanakah proses pengukuran KBAT dapat diperjelas dalam aspek pelaksanaannya?

Penulisan karangan juga boleh dijadikan landasan kepada kecekapan menulis yang lebih tinggi. Kemahiran menulis karangan adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid untuk membolehkan mereka berkomunikasi dengan berkesan, sama ada dalam bilik darjah atau persekitaran masyarakat secara formal atau tidak formal (White, 1981). Kepelbagaian bentuk pentaksiran karangan membolehkan guru-guru untuk mengenal pasti penggunaan elemen KBAT dalam hasil nukilan murid. Laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21st Century Schools (US) pada 2 November 2011 mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih rendah (Nor Hasmaliza & Zamri 2016). Ia jelas menunjukkan bahawa kemahiran KBAT masih belum dikuasai oleh guru dan murid dalam

penulisan karangan. Hal ini selaras dengan kenyataan yang diberikan oleh Nooriza dan Effandi (2013) yang mendapati bahawa sebahagian guru kurang bersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi. Masalah guru yang tidak mengikuti sepenuhnya sukatan pelajaran terkini dalam pengajaran kemahiran mengarang juga merupakan salah satu faktor yang boleh menjejaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis di samping membantutkan hasrat KPM untuk menghasilkan murid yang mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran dan seterusnya mengembangkan kemahiran penulisan (KPM, 2003).

Kemahiran penulisan karangan dapat dibahagikan kepada dua aspek yang utama iaitu murid perlu memikirkan fakta, memilih fakta yang sesuai dan menyusun fakta dengan jelas dan logik melalui proses berfikir. Menerusi pendekatan KBAT dalam penulisan, para murid dapat memikirkan idea yang ingin disampaikan, di samping dapat menterjemah idea baharu yang tercungkil dalam minda murid menerusi hasil nukilan mereka. Dengan ini, murid dapat menganalisis dan memanipulasikan maklumat yang ingin disampaikan secara lebih efektif. Hal ini selaras dengan pendekatan pentaksiran secara holistik dan analitik sebagaimana yang telah ditetapkan dalam sistem pentaksiran karangan. Bagi memudahkan para guru Bahasa Melayu melaksanakan proses pentaksiran karangan bagi penilaian bahasa kendalian sekolah, para guru telah disarankan menggunakan pendekatan analitik, holistik atau gabungan kedua-duanya dalam pentaksiran hasil penulisan (LPM, 2007).

Selaras dengan kepentingan elemen KBAT dalam konteks pendidikan, maka KBAT perlu dihayati dari perspektif interdisiplin, sebagai satu strategi memahami elemen KBAT secara lebih telus dalam konteks memahami idea pemikiran murid. Bidang semantik berupaya menterjemahkan idea pemikiran ini menerusi penghasilan penghasilan sistem konseptual yang dihasilkan dalam perkataan atau frasa dalam penulisan. Bertitik tolak daripada kelompangan kajian-kajian ini, maka kajian ini akan menghasilkan satu strategi memahami elemen KBAT dalam bidang linguistik menggunakan Teori Metafora Konsepsi yang dapat membantu guru-guru dalam meneliti



idea pemikiran murid secara analitik dan seterusnya merumuskan idea pemikiran tersebut secara holistik menerusi sistem konsepsi tersebut.

### OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti idea murid menerusi pentaksiran secara analitik elemen KBAT dalam penulisan pendahuluan karangan.
2. Mengenal pasti idea murid menerusi pentaksiran secara holistik elemen KBAT dalam penulisan pendahuluan karangan.
3. Menganalisis elemen KBAT menerusi metafora leksikal dalam penulisan pendahuluan karangan berdasarkan Pendekatan Metafora Konsepsi (Lakoff & Johnson, 1980).

### PENDEKATAN METAFORA KONSEPSI

Secara umum, metafora merujuk kepada penggunaan gaya bahasa yang indah dan menarik dalam penulisan atau pertuturan seharian sebagai cara untuk menginterpretasikan daya pemikiran yang kreatif ketika berbahasa. Lakoff (1980) telah menggagaskan satu Model Kognitif Unggul (Idealized Cognitive Model) yang menggariskan lima konseptual asas iaitu skema imej, metafora konsepsi, metonimi konsepsi, proposisi dan simbolik. Menurutnya, metafora boleh dikonsepsikan dalam pelbagai aspek seperti konsepsi emosi, perilaku, tutur kata, dan sebagainya di samping dapat menghasilkan satu rantau konsepsi.

Kovecses (2008) mendefinisikan metafora konsepsi sebagai "...*understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain*". *A convenient shorthand way of capturing this view metaphor the following*. "CONCEPTUAL DOMAIN A IS CONCEPTUAL DOMAIN B". Domain A merujuk kepada domain sasaran manakala domain B merujuk kepada domain sumber. Lakoff & Johnson (1980) membahagikan Teori Metafora Konsepsi kepada tiga jenis yang utama, iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora orientasi ialah peluasan makna atau konsep orientasi seperti Dalam–Luar, Atas–Bawah, Hadapan–Belakang kepada mandala bukan ruang. Metafora ontologi merupakan pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea yang

abstrak, fenomena persekitaran dan menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit dan tempat). Metafora struktural pula mengambil item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber mandala untuk kita memahami sesuatu konsep yang lain.

Berdasarkan kepada gagasan ini, jelaslah bahawa Teori Metafora Konsepsi menawarkan satu strategi memahami suatu konsep berdasarkan leksikal. Dalam konteks ini, lazimnya penulisan karangan murid melahirkan idea atau konsep yang tersurat mahupun tersirat bagi menerbitkan kupasan pemikiran mereka. Hal ini dianggap sebagai satu potensi KBAT yang dijana oleh murid secara langsung berkaitan topik yang dibincangkan dalam karangan. Elemen KBAT dikonsepsikan dalam bentuk metafora konsepsi yang terjelma daripada leksikal-leksikal yang dihasilkan bagi mengungkapkan idea dalam penulisan.

Kajian ini dapat meneliti idea dalam penulisan akademik menerusi strategi alternatif memahami elemen KBAT dengan berpandukan kepada Prosedur Pengenalan Metafora ataupun lebih dikenali sebagai *Metaphor Identification Procedure (MIP)* seperti yang telah diperkenalkan oleh Pragglejaz Group (2007). Menurutnya, tatacara pengenalan ekspresi metafora adalah meliputi empat aspek yang utama iaitu pertamanya adalah membaca dan memahami keseluruhan wacana untuk membuat satu generalisasi umum terhadap maklumat yang telah disampaikan. Kedua adalah mengenal pasti unit leksikal dalam wacana tersebut dan ketiga adalah bagi setiap unit leksikal, tentukan sama ada ianya mempunyai maksud kontemporari yang lebih asas dalam konteks lain berbanding dengan konteks sedia ada. Makna asas meliputi aspek yang bersifat lebih konkrit, berdasarkan kepada apa yang boleh dilihat, didengari, dirasai serta dapat divisualisasikan, disamping berkait dengan tindakan manusia itu sendiri dan aspek yang keempat adalah menentukan dan mengesahkan leksikal yang dipilih itu adalah tergolong dalam jenis metafora.

### Sorotan Literatur Metafora dalam Kepelembagaan Genre Penulisan Akademik

Rosa et.al. (2018) telah menjalankan kajian terhadap aplikasi metafora dalam penulisan teks dalam bahasa Inggeris secara saintifik. Kajian bertujuan untuk melihat kualiti teks yang

disampaikan oleh pelajar program doktor linguistik di Universiti Sumatera Utara menerusi cadangan disertasi yang dihasilkan oleh para pelajar tersebut. Konsep penghasilan metafora berasaskan Sistemik Fungsional Linguistik (SFL) telah digunakan bagi menilai kualiti teks yang disampaikan oleh para pelajar.

Metafora tatabahasa ataupun lebih dikenali sebagai '*grammatical metaphor*' seperti yang dicadangkan oleh Halliday (1985) dilihat sebagai salah satu ciri terpenting dalam wacana akademik, birokrasi dan ilmiah serta menjadi sumbangan terpenting Sistemik Fungsional Linguistik (SFL) dalam bidang linguistik dan pendidikan. Penerapan konsep metafora berasaskan SFL adalah berkait dengan ketumpatan leksikal dalam suatu klausa yang dihasilkan. Kajian ini berbentuk penyelidikan secara kualitatif deskriptif yang menganalisis 10 cadangan disertasi dalam bahasa Inggeris yang ditulis oleh pelajar Program Doktor Linguistik di Universiti Sumatera Utara, Indonesia.

Kajian dilakukan untuk meneliti setiap teks yang disampaikan oleh para pelajar dalam cadangan disertasi sama ada menggunakan klausa yang memenuhi kriteria teks bertulis bahasa Inggeris. Kajian turut dilakukan dengan melakukan penambahbaikan teks bertulis dalam disertasi tersebut menggunakan metafora berasaskan SFL. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti daripada pelajar tersebut tidak menghasilkan teks saintifik yang memenuhi kriteria penulisan teks Bahasa Inggeris yang mantap. Pengkaji mendapati bahawa suatu proses pembinaan klausa yang mempunyai ciri metafora adalah menerusi proses nominalisasi, iaitu pembentukan kata nama dari kumpulan frasa ataupun klausa.

Metafora menerusi proses nominalisasi boleh digunakan secara lebih efisien bagi memudahkan proses menulis teks yang lebih mantap. Kajian ini dapat memberi satu gambaran yang baik dalam mencadangkan penghasilan metafora berasaskan SFL menerusi proses nominalisasi adalah satu cara yang terbaik bagi menulis teks saintifik Bahasa Inggeris yang baik. Pengkaji meneliti proses pembentukan metafora dengan berpandukan kepada tujuh prosedur nominalisasi berdasarkan teori SFL. Walaupun proses nominalisasi dilihat sebagai langkah mudah untuk membentuk metafora, namun ia lebih sesuai sekiranya dilihat menerusi pendekatan metafora konsepsi kerana

mempunyai tiga jenis penyusunan metafora yang berbeza, iaitu struktural, ontologi dan orientasi menerusi Teori Metafora Konsepsi sepertimana yang digagaskan oleh (Lakoff & Johnson 1980).

Fredrikson dan Felger (2018) mengkaji tentang keberkesanan penggunaan dan penghasilan metafora dalam penulisan teks laras Sains oleh mahasiswa yang terdiri daripada bidang Sains di Universiti Sweden. Kajian bertujuan untuk meneliti bagaimana penggunaan metafora mempengaruhi penulisan artikel laras Sains. Deignan (2006) berpendapat bahawa "*metaphor use in Science has much in common with what we know about metaphor in language and thought generally*". Kenyataan ini agak bersesuaian dengan konteks kajian ini yang lebih menjurus kepada penelitian metafora dalam teks laras Sains yang membolehkan kita untuk memahami konsep dan teori dalam Sains secara lebih mendalam. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik bagaimanakah konstruk metafora yang dihasilkan oleh mahasiswa dalam penulisan teks laras Sains. Keduanya, adalah untuk meneroka penggunaan metafora dapat meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap subjek tersebut.

Asmah (2008) turut menegaskan bahawa bahasa bermetafora menampilkan estetika dan kehebatan sulaman penciptanya. Kajian ini sememangnya dijalankan untuk melihat pengaruh metafora dalam pembelajaran kursus bidang Sains dalam kalangan mahasiswa. Sebanyak enam daripada jumlah 93 artikel laras Sains telah dipilih dalam kalangan mahasiswa sarjana muda dalam bidang Fizik dan Geologi bagi melihat penggunaan serta tahap penghasilan metafora dalam penulisan tersebut. Pengkaji meneliti jenis metafora yang dihasilkan sama ada metafora aktif mahupun tidak aktif. Seterusnya, temu bual secara tidak berstruktur juga dijalankan bagi melihat pendapat pelajar tentang penghasilan dan penggunaan metafora dalam penulisan. Bahasa metafora banyak berlaku dalam ungkapan separa tetap, dengan bentuk leksikal dan sintaksis yang agak stabil beserta dengan makna afektif dan pragmatik tertentu (Deignan, 2008).

Hasil kajian mendapati bahawa artikel dianalisis menggunakan kaedah metafora konseptual untuk melihat kekerapan penggunaan metafora dalam penulisan mereka. Seramai 4 daripada enam mahasiswa yang dipilih lebih kerap menggunakan metafora dalam penulisan mereka.

Ekspresi metafora dapat dilihat secara jelas menerusi penelitian terhadap setiap perkara dalam topik penulisan yang dihasilkan oleh mahasiswa. Dari segi penghasilan metafora, kajian ini menjurus kepada penghasilan metafora sama ada jenis metafora aktif ataupun metafora tidak aktif sahaja. Menurut Black (1993), metafora terbahagi kepada tiga komponen yang utama iaitu metafora aktif, metafora pendam dan metafora punah.

Dalam kajian ini, perbandingan aspek metafora dilihat dari segi penghasilan metafora sama ada terdiri daripada metafora aktif ataupun metafora tidak aktif seperti metafora pendam atau punah. Metafora aktif terdiri daripada metafora yang dapat dikenal pasti makna metaforanya melalui penggunaan item leksikal metafora. Metafora pendam adalah merujuk kepada item leksikal yang sukar untuk diketahui makna sebenarnya, tetapi ada juga yang masih boleh dihidupkan semula walaupun metafora itu telah mati membatu *'stone dead'* (Richards 1967:101) dan seterusnya adalah metafora punah yang merupakan jenis metafora yang telah kehilangan makna metaforanya dan tidak dapat dipulihkan. Metafora ini hanya dapat dilihat dari segi makna denotasinya sahaja. Metafora ini juga digelar sebagai *"Dead or Fossil Metaphor"* (Li, 2001:50).

Dalam kajian ini, analisis dilakukan menerusi Teori Metafora Konsepsi yang diperkenalkan oleh Lakoff & Johnson (1980). Penganalisan metafora adalah berdasarkan kepada tiga jenis pengkonsepsian yang berbeza iaitu metafora struktural, metafora ontologikal mahupun struktural. Pengenalpastian serta penerangan mengenai tahap konseptual ini meningkatkan pemahaman kita tentang peranan mereka dalam ideologi yang dihasilkan serta menyumbang kepada pembinaan teori kerana dapat menjadi titik permulaan ke dalam pemikiran yang mendasari penggunaan bahasa (Charteris, 2004). Menurut perspektif ini, perbezaan dalam penghasilan metafora mengikut konteks tertentu juga dapat dilihat dengan lebih jelas sekiranya menggunakan Teori Metafora Konsepsi.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif yang menggunakan kaedah analisis

dokumen, iaitu sebanyak 2 sampel pendahuluan karangan pelajar Tingkatan 4 telah dipilih untuk menganalisis idea pemikiran pelajar berdasarkan Teori Metafora Konsepsi. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah senarai semak KBAT. Senarai semak telah digagaskan berpandukan kepada Teori Metafora Konsepsi (TMK). Dalam kajian ini, pemilihan sampel karangan adalah berpandukan kepada karangan jenis perbincangan yang telah ditetapkan iaitu 'Faedah Mengadakan Rumah Terbuka'. Analisis dilakukan secara berperingkat dengan mengenal pasti domain KBAT dalam bahagian permulaan karangan menerusi saringan pengenalpastian metafora leksikal berdasarkan *Metaphor Identification Procedure* (MIP) ataupun lebih dikenali sebagai *Prosedur Pengenalan Metafora* seperti yang dicadangkan oleh Pragglejaz Group (2007). Analisis elemen KBAT diperkukuhkan menerusi bukti data yang dipilih dan disesuaikan daripada data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi meneliti makna konseptual secara lebih terperinci. Data korpus yang dipilih dalam Pangkalan Data Korpus DBP adalah data korpus menyeluruh daripada semua bahan korpus seperti buku, majalah, novel, akhbar, artikel dan sebagainya. Berikutan dengan ini, analisis domain KBAT dalam setiap sampel pendahuluan tersebut dikonsepsikan secara keseluruhan berteraskan fenomena ontologi ataupun struktural berpandukan kepada Teori Metafora Konsepsi.

## DAPATAN KAJIAN

### Pentaksiran Analitik dan Holistik Penulisan Bahagian Pendahuluan Menerusi Pemetaan Metafora Konsepsi

Analisis analitik dari sudut kosa kata dilakukan secara berperingkat, iaitu menerusi jadual pembinaan domain KBAT berpandukan. Saringan pengenalpastian metafora leksikal bagi setiap ayat dalam sampel pendahuluan yang dipilih. Saringan pengenalpastian metafora leksikal adalah berpandukan kepada *Metaphor Identification Procedure* (MIP) seperti yang dicadangkan oleh Pragglejaz Group (2007). Kemudian, diikuti dengan analisis menerusi bukti korpus bahasa daripada DBP, seterusnya dikupas secara terperinci secara holistik mengikut pemetaan jenis metafora konsepsi yang dominan dalam kedua-dua

sampel pendahuluan karangan murid yang telah dianalisis

### Data Karangan 1: Bahagian Pendahuluan

Kod Ayat	Inti Ayat	Saringan Pengenalpastian Metafora Leksikal dalam Ayat Berpandukan MIP Leksikal Catatan	Deskriptif Domain KBAT	
A1P1	Sejak negara menikmati <b>arus kemerdekaan</b> , pelbagai kemajuan telah dicapai dalam bidang-bidang tertentu terutama bidang sains dan teknologi.	arus kemerdekaan	Data Korpus DBP dan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010)	kemakmuran
A2P1	Namun demikian, rakyat Malaysia khususnya golongan remaja tidak cakna akan tradisi dan adat resam yang diwarisi daripada nenek moyang <b>sejak turun - temurun</b> .	sejak turun - temurun	Ibid	Tradisi
A3P1	Remaja zaman sekarang lebih ke arah <b>pengaruh budaya</b> barat yang memberi kesan-kesan negatif dan merosakkan akhlak mulia dan sahsiah diri.	pengaruh budaya	Ibid	cara hidup
A6P1	Oleh itu, mewarnai		Ibid	tumpuan

kebaikan yang mewarnai fokus perbincangan akan dihuraikan dengan terperinci demi kebaikan bersama

Berdasarkan Data Karangan 1, terdapat empat domain KBAT dikenal pasti menerusi saringan pengenalpastian metafora leksikal yang terdapat dalam setiap ayat disaring dalam perenggan tersebut. Dalam data A1 P1, konteks metafora jelas dapat dilihat menerusi leksikal '*arus kemerdekaan*' yang sesuai dikaitkan dengan konsep kemakmuran kerana lebih menggambarkan identiti negara Malaysia sebagai negara yang maju, telah mencapai kemerdekaan serta bebas daripada belunggu penjajah secara tersirat. Metafora '*arus*' lebih memperlihatkan ke arah aliran perkembangan yang dicapai dalam jangka masa tertentu. Hal ini jelas dibuktikan dalam data korpus DBP menerusi ayat:

*DK 1: '...mereka yang bermasalah untuk bersama membabitkan diri dalam arus kemajuan negara'.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:80), '*arus*' diertikan sebagai jangka masa pergerakan ataupun perjalanan yang menjurus ke arah kemajuan secara lebih progresif. Dalam konteks ini, metafora '*arus*' jelas dilihat sebagai suatu perubahan yang berlaku selaras dengan perkembangan sesebuah negara. Frasa '*arus kemajuan negara*' dalam DK1 dapat dikaitkan dengan situasi perubahan yang berlaku secara berperingkat sehingga membawa kepada kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara. Kenyataan ini agak sinonim dengan konteks data A1P1 yang turut melihat konsep rumah terbuka sebagai satu perkembangan yang baharu selaras dengan kemajuan negara yang telah mencapai kemerdekaan. Dengan ini, jelas dapat dirumuskan bahawa kemajuan negara dan amalan rumah terbuka penting bagi meningkatkan imej selaras mengukuhkan lagi kemakmuran dalam negara.

Dalam data A2P1 pula, leksikal '*turun-temurun*' mempunyai unsur metafora kerana jelas



memperlihatkan elemen budaya dan tradisi dalam mengekalkan sesuatu amalan yang telah menjadi kebiasaan dalam konteks masyarakat. Metafora 'turun-temurun' lebih menjurus kepada tradisi atau elemen warisan yang dijadikan dalam konteks kehidupan kelompok masyarakat tertentu. Kenyataan ini dapat diperkukuhkan menerusi bukti korpus DBP dalam ayat:

*DK2: Kepercayaan adat dan tradisi yang menjadi warisan **turun-temurun** daripada generasi terdahulu masih lagi menebal dalam kehidupan.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:1744), turun-temurun bermaksud mewarisi sesuatu amalan, sikap, perangai serta tingkah laku daripada nenek moyang sehingga kini. Dalam konteks ini, metafora 'turun-temurun' dilihat sebagai suatu norma ataupun budaya masyarakat yang tidak boleh dipisahkan dan masih lagi dipraktikkan sejak dahulu lagi. Frasa 'warisan turun-temurun' dalam DK2 di atas jelas menggambarkan bahawa adat dan kepercayaan kaum merupakan tradisi atau warisan sesebuah kaum. Kenyataan ini sinonim dengan data A2P1 yang melihat amalan rumah terbuka sebagai tradisi masyarakat yang semakin dipinggirkan oleh generasi muda pada masa ini. Dengan ini, jelas dapat dirumuskan bahawa kepercayaan adat dan tradisi serta amalan rumah terbuka adalah penting bagi mengekalkan tradisi atau warisan turun-temurun sesebuah kaum di negara kita.

Seterusnya, dalam data A3P1 pula, konsep metafora jelas ditonjolkan menerusi leksikal 'budaya' apabila pelajar menggambarkan 'cara hidup' golongan remaja yang semakin terikat dengan amalan negatif daripada golongan barat sehingga membawa implikasi kepada diri masing-masing. Konsep 'budaya' lebih menjurus kepada perlakuan yang mempengaruhi gaya hidup sesebuah pihak dalam situasi tertentu. Kenyataan ini jelas dibuktikan menerusi bukti korpus DBP dalam ayat:

*DK3: Pemimpin negara yang menegaskan perlunya rakyat Malaysia menganuti **budaya** maklumat.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:212) budaya bermaksud tamadun ataupun peradaban yang lebih berunsurkan kemajuan

fikiran serta akal budi. Dalam konteks ini, metafora 'budaya' dapat dikaitkan dengan cara hidup atau norma kehidupan sesebuah individu mahupun kelompok masyarakat tertentu. Dalam erti kata lain, budaya juga dikonsepsikan sebagai kepercayaan, nilai-nilai, tingkah laku yang dikongsi bersama oleh sekumpulan penduduk yang tertentu (Macionis 1987:62). Husna Faredza et al. (2020) mendefinisikan bahawa unsur budaya dapat diamati menerusi ketamadunan bahasa sesuatu bangsa.

Berdasarkan kedua-dua pandangan ini jelas bahawa identiti budaya dapat diamati daripada amalan gaya hidup seharian dalam sesebuah masyarakat. Frasa 'menganuti budaya maklumat' dalam DK3 di atas jelas menggambarkan pemupukan cara hidup atau amalan menimba ilmu sebagai norma yang perlu diwujudkan dalam kehidupan seharian manusia. Kenyataan ini sinonim dengan data A3P1 yang melihat bahawa pengaruh budaya barat semakin menebal dalam kalangan individu sehingga mereka lupa akan tradisi dan cara hidup yang beradab yang secara tidak langsung menggambarkan identiti kehidupan rakyat di negara kita. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa rakyat Malaysia yang mengamalkan amalan rumah terbuka dapat mengekalkan norma kehidupan yang lebih bertamadun.

Seterusnya dalam data A6P1 pula, konsep metafora jelas dilihat menerusi frasa 'mewarnai fokus' kerana lebih menuju ke arah 'tumpuan utama' berkaitan kepentingan rumah terbuka menerusi perbincangan yang akan dilakukan. Kenyataan ini jelas diperkukuhkan menerusi bukti korpus DBP dalam ayat:

*DK4: Bidang kewangan dan pembasmian kemiskinan turut menjadi **fokus** utama badan ini.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:413), fokus bermaksud tumpuan yang mendasari perhatian ataupun sesuatu perbincangan. Dalam konteks ini, metafora 'mewarnai fokus' membawa maksud sesuatu yang menjadi 'tumpuan utama' dalam melakukan sesuatu perkara. Frasa 'menjadi fokus utama' dalam DK4 di atas jelas memperlihatkan bidang kewangan dan pembasmian kewangan dijadikan tumpuan utama dalam pengendalian sesebuah organisasi. Kenyataan ini selaras dengan ayat pelajar yang turut melihat meneliti idea-idea yang

menjadi tunjang utama dalam mengupas isi kerelevanan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat kepentingan rumah terbuka sebagai fokus utama dalam perbincangan yang ingin dilakukan. Dengan ini, jelas dapat dirumuskan bahawa bidang kewangan, pembasmian kemiskinan serta pembudayaan amalan rumah terbuka penting dalam perkembangan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara.

Secara keseluruhannya, saringan pengenalanpastian metafora leksikal dalam setiap ayat berdasarkan kepada domain KBAT yang ditentukan dapat merumuskan bahawa RUMAH TERBUKA ADALAH PERJALANAN yang lebih sesuai dikonsepsikan sebagai metafora jenis struktural. Metafora struktural mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup kita sebagai sumber domain supaya kita mudah memahami bentuk konsep yang lain. Dalam konteks ini, kesemua leksikal yang terdapat dalam bahagian pendahuluan data karangan 1 lebih sesuai memaparkan fenomena struktural yang jelas mengaitkan pengalaman hidup manusia secara lebih berstruktur, iaitu hadirnya konteks pengalaman seperti '*arus kemerdekaan*', '*turun-temurun*', '*pengaruh budaya*' dan '*mewarnai fokus*'.

Kesemua leksikal ini lebih sesuai dikonseptualisasikan sebagai metafora struktural ekoran kronologi kehidupan manusia menerusi pengalaman yang dilaluinya sejak dahulu hingga membentuk satu identiti budaya dan yang dilihat dapat menonjolkan tumpuan utama amalan rumah terbuka. Konteks ini menggambarkan konsep rumah terbuka secara perjalanan yang tersusun dalam budaya kehidupan manusia sehingga menjurus kepada implikasinya kepada masyarakat dan negara. Metafora Konsepsi yang dibina, iaitu RUMAH TERBUKA ADALAH PERJALANAN menunjukkan amalan rumah terbuka bersifat tersusun dan bersistematik

### Data Karangan 2: Bahagian Pendahuluan

Kod Ayat	Inti Ayat	Saringan Pengenalpastian Metafora Leksikal dalam Ayat Berpanduan MIP Leksikal		Deskriptif Domain KBAT
			Catatan	
A1P1	Dasawarsa ini, amalan rumah terbuka telah	menjadi lumrah	Data Korpus DBP dan Kamus	amalan berterusan

	menjadi lumrah dalam kehidupan bermasyarakat di negara ini.	Dewan Edisi Keempat (2010)		
A2P1	Kepelbagaian sambutan perayaan utama di Malaysia dikatakan tidak lengkap sehingga masyarakat cakna dengan kepentingan mengadakan rumah terbuka.	masyarakat cakna	Ibid	masyarakat prihatin
A3P1	Terdapat beberapa perayaan signifikan dalam konteks kehidupan bermasyarakat di negara ini.	Perayaan signifikan	Ibid	rasional
A4P1	Semua pihak perlu mengambil berat tentang kepentingan mengadakan rumah terbuka apabila menjelang musim perayaan.	mengambil berat	Ibid	motivasi

Berdasarkan Data Karangan 2, terdapat empat latar domain KBAT telah dikenal pasti menerusi saringan pengenalanpastian metafora leksikal (MIP) dalam setiap ayat yang terdapat dalam sampel pendahuluan tersebut. Dalam data A1 P1, unsur metafora dapat dilihat menerusi leksikal '*menjadi lumrah*', iaitu amalan rumah terbuka jelas dikonsepsikan sebagai konsep '*amalan berterusan*' dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Metafora '*lumrah*' lebih menjurus kepada amalan mahupun perlakuan rutin yang menjadi sebahagian daripada kehidupan seseorang ataupun dalam kelompok masyarakat

tertentu. Kenyataan ini jelas diperkukuhkan dalam korpus DBP menerusi ayat:

*DK5: Tegur-menegur dalam kalangan jiran itu adalah lumrah, tetapi tegur dalam perlu.*

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010:966), lumrah juga boleh dikaitkan dengan istilah ‘tipikal’ yang lebih sesuai dikonsepsikan dengan kelaziman ataupun kebiasaan dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks ini metafora ‘lumrah’ sering dikaitkan dengan budaya kehidupan manusia. Leksikal ‘tegur-menegur’ dalam DK5 juga dilihat sebagai amalan yang telah menjadi norma dalam kehidupan kita. Keharmonian dalam komunikasi akan mewujudkan saling hormat dan membentuk masyarakat yang sentosa. Kenyataan ini selaras dengan data A1P1 yang menyatakan bahawa amalan rumah terbuka turut menjadi lumrah dalam konteks kehidupan bermasyarakat di negara kita. Mukhtar Gomaa (2015) berpendapat bahawa perkara yang paling penting bagi menjamin kestabilan sesuatu masyarakat adalah kesanggupan warga untuk hidup bersama dengan aman sesama warga walaupun berlainan kepercayaan dan pengamalan beragama. Oleh itu, jelas dapat dirumuskan bahawa rumah terbuka menjadi lumrah atau amalan berterusan yang perlu dilakukan demi mencapai keharmonian dalam kalangan masyarakat di negara kita. Pelaksanaan rumah terbuka secara tidak langsung mewujudkan situasi tegur-menegur dan bertanya khabar dalam usaha mengharmonikan masyarakat.

Unsur metafora dalam data A2P1 pula dilihat menerusi leksikal ‘masyarakat cakna’ yang jelas memaparkan elemen tanggungjawab sosial oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa dalam menitikberatkan pemupukan amalan rumah terbuka. Metafora ‘cakna’ lebih menjurus kepada komitmen yang ditonjolkan oleh seseorang individu dalam konteks tertentu. Hal ini jelas dibuktikan dalam korpus DBP menerusi ayat:

*DK 6: Kerja-karya penyemakan di dalam dewan peperiksaan sedikit berbeza kerana murid perlu pantas dan cakna dengan setiap butiran penulisan yang ingin disampaikan.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:238), cakna bermaksud tindakan mengambil

berat atau mengambil peduli terhadap sesuatu perkara yang ingin dilaksanakan. Dalam konteks ini, metafora ‘masyarakat cakna’ dapat dikaitkan masyarakat yang prihatin atau mengambil berat dalam amalan rumah terbuka. Hal ini disokong dengan dapatan data korpus berikut, iaitu DK6. Data korpus ini menunjukkan bahawa frasa ‘murid perlu pantas dan cakna dengan setiap butiran penulisan’ jelas memperlihatkan keperihatinan pelajar dalam memastikan isi penulisan dan butiran maklumat mereka tepat seperti yang dikehendaki dalam kertas peperiksaan. Komuniti cakna lebih menjurus kepada semangat saling bergantung antara ahli masyarakat dalam membantu sesama lain sebagaimana yang diterapkan dalam agama (Yusof Al-Qardawi, 2012).

Kenyataan ini agak sinonim dengan data A2P1 yang menyatakan bahawa amalan rumah terbuka mungkin tidak dapat direalisasikan sekiranya masyarakat tidak cakna atau sedar dengan kepentingan aktiviti rumah dalam setiap lapisan masyarakat. Dengan ini, jelas dapat dirumuskan bahawa semua orang seharusnya prihatin tentang amalan rumah terbuka tanpa mengira latar belakang agama agar kesepakatan antara kaum dapat diwujudkan.

Dalam data A3P1 pula, leksikal ‘signifikan’ memperlihatkan elemen metafora yang menjurus kepada elemen ‘rasional’ yang difahami dalam kepelbagaian budaya dan kaum di negara kita. Metafora ‘signifikan’ lebih mengkonsepsikan kerasionalan sesuatu tindakan mahupun perkara dalam konteks tertentu. Kenyataan ini jelas diperkukuhkan menerusi bukti data korpus DBP iaitu:

*DK7: ‘...minuman dan kuih muih, ketupat, rendang, lemang dan sebagainya menjadi signifikan dengan suasana raya setiap tahun’.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), signifikan sesuai dikonseptualisasikan sebagai elemen yang dianggap bermakna ataupun penting dalam situasi tertentu. Dalam konteks ini, metafora ‘signifikan’ jelas dikaitkan dengan sesuatu perkara yang dianggap penting dalam perspektif seseorang individu. Frasa ‘minuman dan kuih-muih seperti ketupat, rendang dan lemang’ dalam DK7 jelas dilihat sebagai menu yang rasional apabila menjelang musim perayaan di

negara kita. Kenyataan ini sinonim dengan data A3P1 yang menjelaskan bahawa terdapat enam perayaan utama mengikut kaum yang diberi keutamaan sebagai perayaan khas di negara kita. Dengan ini, jelas dapat dirumuskan perayaan dianggap signifikan atau rasional dalam konteks bermasyarakat. Perayaan sebagai elemen rasional ini sekaligus membuktikan bahawa tindakan yang objektif perlu dilaksanakan dalam menjalankan perayaan.

Dalam data A4P1 pula, leksikal '*mengambil berat*' dianggap metafora kerana jelas memberi penekanan bahawa setiap individu perlu mempunyai 'motivasi' secara mendalam dalam diri masing-masing bagi merealisasikan amalan rumah terbuka sejak awal lagi supaya tidak ketinggalan zaman. Konsep '*mengambil berat*' lebih menjurus kepada sikap keprihatinan yang sangat berimpak dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Kenyataan ini jelas diperkukuhkan dalam korpus DBP menerusi ayat:

*DK8: Ini menunjukkan ibu bapa seharusnya mengambil berat dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak.*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), '*berat*' bermaksud sikap ataupun pendirian yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu tugas mahupun perkara. Dalam konteks ini, metafora '*mengambil berat*' dapat dikaitkan dengan sesuatu perkara yang dianggap besar dan memerlukan semangat serta motivasi yang tinggi untuk melaksanakannya. Frasa '*kebajikan dan kesejahteraan anak-anak*' dianggap sesuatu unsur motivasi meransang ibu bapa ke arah sifat lebih bertanggungjawab. Menurut Gleen (2000), istilah '*caring society*' jelas dilihat dalam konsep keluarga atau komuniti kecil yang berusaha menjaga keperluan ahli keluarga mereka yang terdiri daripada anak-anak, ibu bapa, warga tua atau orang kurang upaya bagi menggambarkan keprihatinan masyarakat yang maju serta bertamadun.

Kenyataan ini agak sinonim dengan konteks data A4P1 yang turut melihat peranan masyarakat sebagai medium utama dalam merealisasikan amalan rumah terbuka dalam komuniti masyarakat berbilang agama dan bangsa di negara kita. Dengan ini, jelaslah dapat dirumuskan bahawa kebajikan dan kesejahteraan anak-anak dan amalan

rumah terbuka perlu diambil berat agar kesejahteraan hidup terjamin. Kesemua konsep ini menjelaskan pengalaman sosial dalam organisasi kekeluargaan. Begitu juga dengan amalan rumah terbuka yang memerlukan motivasi secara '*caring society*' yang perlu diamalkan oleh pelbagai pihak dalam menjayakan amalan rumah terbuka.

Unsur metafora yang terdapat pada konsep leksikal tersebut telah menerbitkan metafora konsepsi *RUMAH TERBUKA ADALAH PENGALAMAN SOSIAL* yang lebih sesuai dikonsepsikan sebagai metafora jenis ontologi. Metafora ontologi lebih kepada cara melihat sesuatu perkara, aktiviti, emosi, pendapat dan lain-lain sebagai satu entiti atau perkara yang bermakna. Lakoff dan Johnson (1980:33) menggunakan personifikasi sebagai metafora ontologi yang paling jelas, iaitu objek fizikal bersifat manusia. Hal ini membolehkan kita memahami lebih entiti bukan manusia berdasarkan motivasi, tingkah laku dan aktiviti manusia. Dengan kata lain, idea pemikiran dalam Data Karangan 2 lebih menjurus kepada mengamati rumah terbuka sebagai unsur pengalaman sosial bermula dari '*menjadi lumrah*', '*masyarakat cakna*', '*perayaan signifikan dan mengambil berat*'. Konsep atau idea ini dirasai menerusi pengalaman badaniah individu.

Dalam perspektif pentaksiran holistik, guru boleh mengamati idea murid yang terbina dalam perenggan menerusi bentuk metafora konsepsi yang diperolehi. Secara keseluruhan, kesemua konsep leksikal yang terdapat dalam penulisan bahagian pendahuluan murid dalam Data Karangan 1, idea pemikiran KBAT murid lebih sesuai menjelaskan fenomena struktural bagi menggambarkan amalan rumah terbuka sebagai struktur perayaan yang bersistematik.

Dalam Data Karangan 2, idea pemikiran KBAT murid dalam penulisan bahagian pendahuluan menjelaskan fenomena ontologi bagi menggambarkan amalan rumah terbuka sebagai pengalaman badaniah. Dalam konteks sistem konseptual ini, jelas membuktikan bahawa pengalaman rumah terbuka selaras dengan strukturnya sebagai perayaan yang sistematik dan memerlukan pengalaman badaniah untuk merealisasikan sebagai perayaan yang bermakna.

Dengan ini, penerapan elemen KBAT dapat dinilai ataupun ditaksir menerusi pentaksiran



secara analitik dari aspek penggunaan pengolahan idea, bahasa, pemikiran serta penggunaan kosa kata yang baharu, di samping membuat penilaian secara menyeluruh menerusi pentaksiran secara holistik dalam penciptaan idea yang beraras tinggi khususnya dalam penulisan bahagian pendahuluan karangan yang mantap dan berkualiti. Pentaksiran sebegini dapat membantu kita untuk menilai serta menganalisis kemahiran berfikir yang telah diaplikasikan oleh murid dalam nukilan mereka secara tidak langsung.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, isu pemikiran KBAT dalam sesebuah penulisan jelas dapat dikonsepsikan menerusi pentaksiran secara analitik dan holistik elemen KBAT dalam penulisan berdasarkan Teori Metafora Konsepsi, khususnya dalam bahagian pendahuluan yang menjadi titik tolak dalam penghasilan sesebuah nukilan yang berkualiti. Sebanyak dua jenis metafora konsepsi telah dikenal pasti menerusi keseluruhan analisis yang dilakukan iaitu metafora struktural dan ontologi.

Penyesuaian jenis metafora struktural adalah lebih berteraskan kepada penyusunan idea secara lebih koheren, tersusun dan berstruktur dalam realiti kehidupan kita sebagai sumber mandala dalam memahami sesuatu konsep yang lain yang jelas dilihat menerusi leksikal 'arus kemerdekaan', 'turun-temurun', 'pengaruh budaya', serta 'mewarnai fokus' yang terdapat dalam bahagian pendahuluan Data Karangan 1. Hal ini demikian kerana metafora struktural lebih menjurus kepada segala aktiviti ataupun pengalaman yang berstruktur. Pengkonsepsian metafora jenis ontologi pula lebih mengaitkan situasi pengalaman yang berunsurkan emosi, idea yang abstrak, fenomena persekitaran dan menjadikannya seperti benda (biasanya entiti benda, konkrit dan tempat) yang jelas dapat dilihat menerusi leksikal 'menjadi lumrah', 'masyarakat cakna', 'perayaan signifikan' serta 'mengambil berat' yang terdapat dalam bahagian pendahuluan Data Karangan 2.

Kedua-dua sampel pendahuluan yang dianalisis jelas memprojeksikan jenis metafora konsepsi yang berbeza sekaligus memperlihatkan elemen KBAT yang dihasilkan dalam penulisan perenggan pendahuluan murid. Pemahaman kognitif menerusi elemen konseptual yang berprinsip merupakan usaha yang bersifat

kompleks dan memperlihatkan proses intelektual yang tinggi (Anida 2012 & Anida et al. 2020).

Secara telusnya, kajian ini telah dapat membina satu strategi pemahaman pentaksiran secara holistik dan analitik elemen KBAT dalam penulisan menerusi bidang semantik kognitif yang berpandukan kepada Teori Metafora Konsepsi. Pentaksiran secara analitik dan holistik dalam memahami konstruk KBAT menerusi pemetaan metafora konsepsi dapat dijadikan panduan dan landasan pengaplikasian secara integrasi antara bidang pendidikan dan bidang semantik secara tidak langsung menjadi satu medium pentaksiran terbaik selaras dengan amalan pengajarannya (Zulkifli et al. 2019; Kusom et al. 2019)

### RUJUKAN

- Ahmad Hozi H. A. Rahman. (2009). Menguji dan menaksir kefahaman pelajar. Dlm. Noraini Idris & Shuki Osman (Pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*, 189-230. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Zulkifli Osman & Intan Safinas Mohd Ariff Al-Bakry. (2019a). Using the Cognitive Research Trust scale to assess the implementation of the elements of higher order thinking skills in Malay Language teaching and learning. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8 (2S2): 392-398.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Zulkifli Osman, Raja Noor Farah Azura Raja Ma'amor Shah & Intan Safinas Mohd Ariff Al-Bakry. (2019b). Menangani kekaburan kemahiran prosedur dan terminologi awal matematik: Pendekatan leksis berdasarkan Teori Prosodi Semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2): 255-294.
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Muhamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari & Marlina Idris (2020). Analisis pelaksanaan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah menengah Orang Asli *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1): 48-63.
- Anida Sarudin. (2012). Aspek kognitif dalam pembentukan simpulan bahasa kata makan. *PENDETA: Journal of Malay*



- Language, Education and Literature*, 3: 97-115.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bacha, N. (2001). Writing evaluation: What can analytic versus holistic essay scoring tell us? *System*, 29: 371-383.
- Black, M. (1993). *Metaphor and Thought*. 2nd Edition. Cambridge: Cambridge University Press.
- Charteris-Black, J. (2004). *Corpus Approaches to Critical Metaphor Analysis*. Basingtoke: Palgrave Macmillan.
- Deignan, A. (2006). The grammar of linguistic metaphors. In A. Stefanowitsch & S. Gries (Eds.). *Corpus-Based Approaches to Metaphor and Metonymy*, 106-122. Berlin, New York: De Gruyter.
- Deignan, A. (2008). Corpus linguistic data and conceptual metaphor theory. In Zanotto, M.S., Cameron, L. & Cavalcanti, M.C. (eds.), *Confronting Metaphor in Use: An Applied Linguistic Approach*, 149-162. Amsterdam: John Benjamins.
- Fredrikson, A., & Felger, S. (2018). Conceptual blending monitoring students' use of metaphorical concepts to further the learning of science. *Faculty of Science, Lund University*.
- Gleen, E.N. (2000). Creating a caring society. *Contemporary Sociology*. 29 (1): 84-94.
- Halliday, M.A.K. (1985). *Introduction to Functional Grammar*. London: Arnold.
- Haris Fadzilah Kassim. (2002). Masalah menulis karangan di kalangan pelajar tingkatan empat: Satu kajian kes. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Sg. Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan
- Hawkes, T. (1972). *Metaphor*. London: Methuen and Co Ltd.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin & Zulkifli Osman (2020). Strategi pengukuran upaya berbahasa menerusi kesantunan berbahasa sebagai indikator profesionalisme guru pelatih berasaskan skala morf fonetik, sosiolinguistik dan sosiopragmatik. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 17 (1): 187-228.
- Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2005). Pengkonsepsian dan permetaforaan 'hati'". *Jurnal Bahasa*, 5 (4).
- Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kovocses, Z. (2008). Conceptual metaphor theory: Some criticism and alternative proposals. *Annual Review of Cognitive Linguistics*, 6: 168-184.
- Kozlow & Bellamy. (2004). *Experimental Study on the Impact of the 6+1 Trait Writing Model on Student Achievement in Writing*. Oregon: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman. (2019). Penilaian formatif bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Thailand. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10: 91-105.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1993). The contemporary theory of metaphor. In Ortony, A. (Ed.). *Metaphor and Thought*, 202-251. 2nd Edition Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). Conceptual metaphor in everyday language. *The Journal of Philosophy*, 77: 453-486.
- Laura, A.W. (2011). *The Effect of Thinking Mapson Students' Higher Order Thinking Skills*. California: California State University & Northridge University.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2007). *Kupasan Mutu Jawapan PMR*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Li, G. (2001). *Figures and Vocabulary*: Shang Hai Foreign Language Education Press.
- Macionis, J.J. (1987). *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall.

- Marzni Mohamed, Roselan Baki & Fadzilah Rahman. (2017). Kaedah perbahasan sebagai wahana pembelajaran dan pemudahcara berasaskan KBAT dalam proses penulisan karangan argumentatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (2): 1-12.
- Mukhtar Gomaa. (2015). Peaceful coexistence between religions and fiqh of coexistence: Towards the renewal approach. 188 Emirates Lecture Series. *The Emirates Center for Strategic Studies and Research*.
- Nessel, D.D. & Graham, J.M. (2007). *Thinking Strategies for Student Improving Learning Across the Curriculum*, K-12. 2<sup>nd</sup> Edition. Carlifornia: Corwin Press.
- Noor Izham Mohd Taib, Zamri Mahamod, A Rahman Haron & Rozaiman Makmun. (2012). Kebolehpercayaan pemeriksaan karangan secara holistik berdasarkan jantina dan pengalaman dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 43-64.
- Nooriza Kassim, & Effandi Zakaria. (2013). *Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasmaliza & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 78-90.
- Pragglejaz Group, P. (2007). MIP: A Method for Identifying Metaphorically Used Words in Discourse. *Metaphor and Symbol*, 22 (1): 1-39.
- Rajendran, N.S. (2010). Teaching thinking skills at institutions of higher learning: Lesson learned. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18: 1-14.
- Richards, I.A. (1967). *The Philosophy of Rhetoric*. London: Oxford University Press.
- Rosa, R.N., & Sofyan, R., & Tarigan, B. (2018). Applying metaphor in English scientific texts. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 148.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Mengoptimumkan Pembelajaran Pelajar*. (Eds.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Hazliyatul Akma. (2010). Tautan wacana dalam penulisan karangan pelajar tingkatan enam. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- White, E.M. & Thomas, L.L. (1981). Racial minorities and writing skills assessment in the California State University and Colleges. *National Council of Teacher and English*, 43 (3).
- Yusof al- Qardawi (2012). *Fatwa Kontemporari Siri 2 Akidah dan Ibadah*, 10-12. Selangor: PTS Islamika.
- Zaini, M F, Sarudin, A., Muhammad, M.M, Abu Bakar, S.S (2020). Representatif leksikal ukuran sebagai metafora linguistik berdasarkan teks klasik Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20 (2): 168-187.
- Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Dahlia Janan & Ani Omar. (2019). The teaching of Malay essay writing based on an authentic approach. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8 (7S2): 175-181.